

## SUATU CATATAN MENGENAI MASALAH FATWA DI JOHOR DAN SELANGOR: KES NADRA 1950

Nordin Hussin

Kes Nadra merupakan kes yang unik disebabkan banyak persoalan serta pendapat yang telah ditimbulkan setelah berlalunya peristiwa perbicaraannya pada tahun 1950.<sup>1</sup> Kes ini juga melibatkan soal mereka yang di bawah umur (*minor*) serta hak penjaga ke atas mereka dari segi penentuan agama serta masa hadapannya. Begitu juga di dalam perbicaraan kes Nadra persoalan pokok seperti umur, hak penjagaan oleh ibu dan bapa asal, pengislaman, pernikahan serta domisil telah diperdebatkan dan dibincangkan.<sup>2</sup> Namun demikian kes yang menyerupai kes Nadra telahpun berlaku sejak tahun 1920an dan disebabkan orang-orang yang terlibat adalah terdiri daripada orang tempatan iaitu orang-orang Cina maka liputannya tidaklah sehebat seperti mana yang telah diberikan terhadap kes Nadra yang melibatkan sebuah keluarga dari keturunan Belanda.<sup>3</sup>

Negeri Kedah merupakan negeri yang sering mengalami masalah ini sehingga Penasihat Inggeris di negeri Kedah telah meminta nasihat dari pihak High Commisioner di Singapura untuk menyelesaikan masalah perbalahan di antara orang Cina iaitu ibu dan bapa kepada anak yang di bawah umur dengan pihak kadi yang menjalankan tugasnya serta keluarga Melayu yang terlibat di dalam kes memelihara kanak-kanak tersebut.<sup>4</sup> Di negeri Johor pula masalah ini menjadi nyata di sekitar tahun-tahun 1930an dan di tahun-tahun selepas Perang Dunia kedua.<sup>5</sup> Masalah yang utama yang dihadapi oleh mereka yang terlibat di dalam hal ini ialah disebabkan di negeri-negeri Melayu fatwa-fatwa dan peraturan bagi mereka yang hendak memeluk agama Islam terutama mereka yang masih di bawah umur berbeza-beza mengikut negeri-negeri.<sup>6</sup> Oleh itu masalah memeluk agama Islam di kalangan mereka yang dibawah umur dan seterusnya berkahwin di bawah umur di kalangan mereka yang baru memeluk Islam telah mencetuskan beberapa masalah yang serius.

Masalah ini ada kaitannya dengan fatwa-fatwa yang dikemukakan oleh mufti serta undang-undang pentadbiran agama di setiap negeri Melayu yang bercanggah antara satu sama lain dan telah membuatkan kes di bawah umur untuk memeluk agama Islam

sukar untuk diselesaikan.<sup>7</sup> Biasanya fatwa-fatwa ini berbeza mengenai mereka yang di bawah umur untuk masuk Islam dan keskes ini terutama berlaku di kalangan para gadis atau perempuan yang mana hak keluarga masih lagi menentukannya. Perebutan selalu berlaku di antara pihak keluarga dan pihak kadi yang telah melaksanakan undang-undang menurut peruntukan undang-undang Islam. Juga sekiranya mereka yang di bawah umur ini berkahwin mereka masih dianggap tidak sah oleh keluarga mereka disebabkan hak penjagaan masih terletak di atas keluarganya. Di samping itu masalah yang dihadapi oleh mereka yang telah berkahwin sebelum memeluk Islam telah mencetuskan perbalahan iaitu suaminya masih mengatakan yang beliau masih lagi menjadi isterinya tetapi undang-undang Islam telah memfasakh dan ini telah memberikan kesan yang mendalam di kalangan para suami yang masih lagi memeluk agama asal.

Di samping itu juga masalah mengenai mereka yang telah berkahwin akan bertambah ketara jika salah satu pihak beragama berlainan kerana dalam Section 51 Law Reform (Marriage and Divorce) Act, 1976 salah satu pihak yang berlainan agama boleh membuat petisyen penceraian. Masalah ini ditambah lagi dengan fatwa serta pendapat dari Mufti di setiap negeri yang berbeza-beza dan tidak ada satu kesatuan pendapat mengenai hal-hal seperti penentuan untuk mereka yang di bawah umur untuk memeluk agama Islam serta status anak angkat yang telah dibela sejak dari kecil lagi untuk menganut agama Islam. Begitu juga dengan hak perkahwinan di kalangan anak angkat yang dianggap masih lagi di bawah umur dan mendapat tentangan dari keluarga asal dan seterusnya berlaku tuntutan kembali kenak-kanak tersebut. Tambahan pula dengan perlaksanaan undang-undang Sivil dan Syariah yang telah dijalankan serentak di setiap negeri telah mengakibatkan timbulnya percanggahan pendapat mengenai kes-kes seperti kes tuntutan hak jagaan jika sekiranya kanak-kanak tersebut telah dibela untuk menganut Islam serta pernikahan mereka jika sekiranya ianya berlaku di bawah dari umur 21 tahun.

Oleh itu di sini akan diterangkan bagaimana di dalam kes Nadra ia telah dapat dipulangkan pengakuan keluarganya di negeri Belanda disebabkan oleh fatwa yang digunakan di dalam membicarakan kes tersebut dan bagaimana mahkamah telah mengambil fatwa dari negeri Selangor yang mempunyai klaus yang membolehkan Nadra secara terang-terang boleh dikembalikan kepada keluarganya.

Menurut Undang-undang Johor atas kaul yang muktamat tidak sah Islam kafir yang belum baligh pada hukum syarak atau tidak berakal (gila) melainkan kanak-kanak itu jika ada salah satu atau

seorang daripada ibubapanya atau datuknya atau neneknya yang beragama Islam maka dimaklumkan Islamnya atau telah dibela dan dibesarkan mengikut cara hidup Islam dan telah menurut untuk hidup secara Islam (fatwa Mufti Johor).<sup>8</sup> Ini bermakna seseorang yang telah dibela sejak kecil lagi oleh keluarga Islam berhak untuk memeluk agama tersebut begitu juga sekiranya ia mempunyai datuk atau salah seorang dari keluarganya beragama Islam maka ia berhak untuk menganut agama tersebut walaupun usianya masih dianggap di bawah umur. Walaupun masalah mengenai memeluk Islam di negeri Johor di kalangan orang Cina belum berlaku pada tahun 1920-an tetapi ianya telah dinyatakan di dalam Criminal Appeal no. 21 1933 di dalam Court of Appeal menyatakan bahawa sebahagian dari undang-undang Islam dari mazhab Shafie yang mana undang-undang yang diakui sah di Johor menyatakan bahawa:<sup>9</sup>

- a. Mana-mana orang yang ingin masuk atau memeluk agama Islam hendaklah diislamkan tanpa ditangguhkan.
- b. Dengan memeluk Islam secara *ipso factum* membatalkan sama sekali perkahwinan yang bukan Islam yang lalu.
- c. Jika sekiranya berlaku samada perkahwinan tersebut telah berlaku perhubungan kelamin atau tidak sebuah sumpah dari satu pihak adalah dikira sebagai muktamat.
- d. Sekiranya sumpah menafikan adanya perhubungan kelamin dibuat lambat dari tiga bulan biasanya selepas penceraian adalah tidak perlu dan pernikahan yang baru boleh dilakukan serta merta.<sup>10</sup>

Fatwa yang digunakan di negeri Perak dan Selangor pula berlainan dengan di Johor yang mana pihak penjaga atau ibu bapa masih lagi kuat peranannya untuk tidak membenarkan seseorang yang di bawah umur untuk memeluk Islam. “Jika sekiranya seorang perempuan Cina hendak memeluk agama Islam pihak kadi yang berkenaan hendaklah sebelum menerimanya membawanya kepada Pejabat Daerah untuk disoal siasat oleh pihak Pejabat Hal Ehwal Orang Cina yang akan menyoal samada ia telah berkahwin jika sekiranya ia masih bawah umur samada ia ada keluarga atau penjaga dan sekiranya ada samada penjaga atau keluarganya membenarkannya berbuat demikian”.<sup>11</sup> Di samping itu pihak Kadi tidak dibenarkan mengislamkan mana-mana lelaki yang di bawah umur untuk memeluk agama Islam tanpa memberitahu penjaga atau ibu bapanya terlebih dulu.

Negeri Sembilan pula mempunyai fatwa yang agak berbeza dengan Perak, Selangor dan Johor. Pihak Yang Dipertuan menyatakan tidak perlu untuk Negeri Sembilan mengikut peraturan

dan fatwa dari negeri Perak dan menurutnya lagi mereka yang di bawah umur tidak dibenarkan untuk memeluk agama Islam.<sup>12</sup> Menurut peraturan Negeri Sembilan: “In the case of Chinese woman that conversion to the Moslem religion does not involve upon the convert any obligation to leave his or her wife or husband because of their difference in faith.”<sup>13</sup>

Fatwa di negeri Pahang pula mengatakan bahawa seseorang yang telah dewasa yang menyatakan hendak memeluk agama Islam mestilah disegerakan dan sesiapa yang menentangnya atau melambat-lambatkannya telah melakukan satu kesalahan yang besar. Perkahwinan sebelum Islam dengan mereka yang bukan Islam adalah batal setelah memeluk agama Islam dan mereka yang di bawah umur tidak dibenarkan untuk memeluk Islam.<sup>14</sup>

Negeri Kelantan pula mempunyai fatwa serta peraturannya tersendiri. Mufti menyatakan yang semua orang Islam mesti mengislamkan mana-mana orang lelaki atau perempuan yang ingin memeluk agama Islam dan perkahwinan sebelum Islam dengan orang bukan Islam adalah batal.<sup>15</sup> Peraturan yang digunakan di negeri Kelantan juga tidak ada dinyatakan mengenai mereka yang di bawah umur.<sup>16</sup>

Fatwa di negeri Kedah pula ialah apabila seorang gadis datang atau dibawa kepada pihak Pejabat Syariah untuk diislamkan beliau hendaklah diterangkan tentang rukun-rukun Islam dan selepas itu ia hendaklah dihantar ke Balai Polis yang terdekat tidak lebih dari 15 minit di antara kedatangannya di Pejabat Syariah dan penghantarananya ke Balai Polis.<sup>17</sup> Pihak yang berkenaan di Balai Polis mestilah membuat laporan kepada pihak *Commissioner* Polis. Mana-mana orang selain daripada Sheikh-ul-Islam atau Kadi yang mana gadis atau perempuan itu memohon untuk diislamkan mestilah dengan segera dihantar ke Pajabat Syariah yang terdekat. Kadi juga boleh memanggil suami untuk diislamkan jika ia setuju perkahwinannya kekal tetapi jika tidak ianya akan dipisahkan. Begitu juga tidak sah Islam seseorang kafir yang belum baligh pada hukum syarak atau tidak berakal (gila) melainkan kanak-kanak itu jika ada salah satu atau seorang daripada ibubapanya atau datuknya atau neneknya yang beragama Islam maka dimaklumkan Islamnya atau telah dibela dan dibesarkan mengikut cara hidup Islam dan telah menurut untuk hidup secara Islam.<sup>18</sup>

Dari perbincangan di atas didapati bahawa mereka yang di bawah umur (*minor*) akan menghadapi masalah untuk memeluk agama Islam jika sekiranya mereka di negeri Selangor atau Perak kerana mereka terpaksa meminta kebenaran dari penjaga mereka sekiranya penjaga tidak membenarkan sudah pasti mereka tidak

boleh memeluk Islam. Setengah negeri seperti Pahang umur 15 tahun merupakan umur yang telah melepassi umur dewasa tetapi setengah mengatakan ianya bermula setelah seorang gadis tersebut baligh iaitu telah haid.<sup>19</sup> Menurut undang-undang sivil pula had umur dewasa ialah 21 tahun.<sup>20</sup> Ini sudah pasti amat bercanggah di antara satu sama lain mengenai penentuan hak peribadi bagi mereka yang berada di bawah umur 21 dan akan menimbulkan kekeliruan serta salah faham di antara mereka yang terlibat.

Masalah ini amat rumit kerana ianya melibatkan konflik agama dan peraturan serta pentadbiran. Dengan Perjanjian Federation pada tahun 1895 Raja-Raja Melayu mesti menurut nasihat Resident General dalam semua soal pentadbiran selain daripada perkara-perkara yang menyentuh dengan soal agama dan adat istiadat Melayu begitu juga dengan apa yang berlaku di kalangan Negeri-Negeri Tidak Bersekutu. Oleh itu masalah yang melibatkan memeluk agama Islam di kalangan mereka yang masih di bawah umur terutama gadis-gadis telah menyebabkan pihak pentadbir Inggeris tidak boleh membuat penyiasatan dengan terperinci lebih-lebih lagi jika sekiranya yang memeluk agama tersebut orang yang telah dewasa ianya akan melibatkan pula suami dan isteri. Oleh itu mereka yang terlibat terpaksa menurut apa yang diamalkan serta peraturan yang tercatat di dalam undang-undang di setiap negeri tersebut.

Kes-kes yang serius yang timbul dari keadaan yang sedemikian ialah seperti kes Nadra yang melibatkan orang-orang luar (keluarga Hertogh dari Belanda)<sup>21</sup> di samping kes-kes lain yang ada kaitan dengan kes Nadra seperti kes Law Kim Swee dan kes Rashidah Abdullah yang melibatkan orang China serta keluarga Melayu.<sup>22</sup> Tetapi kes-kes seperti Lim Kim Swee dan Rashidah Abdullah yang melibatkan orang-orang tempatan yang berlaku di negeri Johor telah dapat diselesaikan setelah terdapatnya campurtangan daripada pihak Pejabat Agama Johor, pihak Pejabat Hal Ehwal Orang Cina serta pihak Hospital yang mengesahkan bahawa mereka ini bukan gila atau sakit untuk memeluk agama Islam.<sup>23</sup> Dalam kes Nadra pula ianya melibatkan orang asing dan penggunaan undang-undang sivil Inggeris. Hakim telah mempertikaikan tentang pengislaman, hak jagaan anak, domisil serta pernikahan Nadra yang dianggap sebagai satu konspirasi untuk membatalkan hak ibu dan bapa Nadra ke atasnya. Hakim mengatakan,

And what is to be said of people who will allow an attraction, which is formed by a child of 13 for a man whom she has scarcely met, to be used as the basis of a manoeuvre which within the space of three days causes her to become his wife? Che Aminah says, in effect, that because the girl had attained puberty, therefore she considered that it was no concern of hers. I do not believe that. Bear-

ing in mind that Che Aminah is a Malay and a Moslem would who attach more importance to the fact of puberty than I would myself, I still do not believe it. And if I did believe it I should say that she was unfit any longer to have the custody of this child.<sup>24</sup>

Seterusnya untuk membatalkan pernikahan Nadra serta hak jagaan Cik Aminah ke atas Nadra, Hakim telah merujuk kepada fatwa dari Selangor.

A feature of this case which has caused me some concern is the evidence of Haji Ahmad bin Haji Abdul Hallim, the Kathi who performed the ceremony. His view that it is within his general power as Kathi to act as Wali for a girl aged 13 (if she reached puberty), no express power to act as wali being given to him in his commission, without taking any steps to ascertain the wishes of her father if he is a non-Moslem is contradicted in the affidavit of Tengku Mahmood Zuhdi, who is the Shaikh-ul-Islam for the State of Selangor, in the Federation of Malaya. The latter's opinoin is supported by that of Suleiman bin Abdul Kadir who obtained the degree of Moulwi in Moslem Law at the University of Allahabad, Subparagraph (iv) to (vi) of para 4 fo Tengku Mahmood Zuhdi's affidavit read as follows:

- (iv) If a Christian girl who has never been married before becomes a Mohammedan, then in order to get married she must be given in marriage by the Kathi on behalf of the Head of the State otherwise the marriage is bad;
- (v) Before giving a girl in marriage in the circumstances mentioned in sub-paragraph (vi) The Kathi acting on behalf of the Head of the State must ascertain if he can the wishes of the father and the Kathi may either give regard to those wishes or may disregard them;
- (vii) The Kathi can only give a female in marriage or authorize someone else to do so if he is authorized so to do by his commission from the Head of the State. If he is not so authorised he has no power in Mohamedan Law to give a girl in marriage.<sup>25</sup>

Di sini Hakim telah mempersoalkan tentang hak kadi yang bertindak sebagai wali serta kadi telah tidak menjalankan tugasnya untuk meminta kebenaran dari ayah Nadra untuk menikahkannya yang mana menurutnya hal ini adalah yang sangat penting untuknya sebelum menikahkan Nadra “without taking any steps to ascertain the wishes of her father if he is a non-Muslim” sepertimana yang telah difatwakan oleh mufti Selangor. Di sini Hakim telah menolak authoriti kadi yang bertindak sebagai wali untuk menikahkan Nadra dan dengan kekuatan fatwa yang digunakannya itu telah dapat membatalkan seterusnya pernikahan Nadra serta pengislamannya.

Justeru itu untuk membatalkan hak penjagaan Cik Aminah ke atas Nadra serta pernikahan Nadra dan Mansoor Adabi, Hakim telah menggunakan fatwa dari mufti Selangor. Pertamanya fatwa mufti Selangor yang mengatakan menjadikan kanak-kanak angkat daripada darah yang lain tidak dibenarkan mengikut hukum Islam.<sup>26</sup> Ini dengan jelas memberikan makna bahawa Cik Aminah tidak ada hak ke atas Nadra dan perbuatan Cik Aminah adalah

salah dan seterusnya memulangkan Nadra kepada keluarganya. Keduanya fatwa yang mengatakan: “Before giving a girl in marriage in the circumstances mentioned in sub-paragraph (iv), the Kathi acting on behalf of the Head of the State must ascertain if he can the wishes of the father and the Kathi may either give regard to those wishes or may disregard them”, ini dengan jelas telah membatalkan pernikahan Nadra kerana kadi telah tidak meminta kebenaran dari ayah Nadra. Persoalan di sini adakah wajar bagi kadi untuk meminta kebenaran dari ayah Nadra sedangkan ayahnya seorang kafir (Kristian) dan adakah hal ini menjadi rukun sah nikah untuk seorang perempuan yang tidak mempunyai ayah beragama Islam serta saudara lelaki (wali mujbir) yang beragama Islam untuk menikahkannya.

Dalam eseи ini dilampirkan pendapat dari Mufti Selangor yang telah digunakan sebagai afidavit di mahkamah Singapura dalam kes Nadra dan juga reaksi serta fatwa dari Mufti Johor yang tidak sependapat dengan Mufti Selangor. Dengan secara sindiran sinis mufti Johor telah mengkritik fatwa Mufti Selangor dengan mengatakan “Saya beriktikad bahawa Syeikh-al-Mufti tiada berfatwa demikian itu barangkali terjemahannya salah atau penulis silap atau kalamnya (pensilnya) tergelincir kerana masalah ijmak di antara orang-orang Islam...”<sup>27</sup> Begitu juga terdapat masalah penyalahgunaan istilah yang membawa kepada kekeliruan makna seperti masalah usul dan furuk, kesilapan terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris<sup>28</sup> dan kelemahan serta tidak kukuhnya fatwa yang diberikan oleh Mufti Selangor di dalam menyelesaikan perbicaraan tersebut.<sup>29</sup> Justeru itu kemungkinan besar mahkamah Singapura telah memulangkan Nadra kepada keluarganya disebabkan terdapatnya kelemahan fatwa serta peraturan agama Islam yang berbeza-beza di kalangan negeri Melayu dan oleh itu ia telah menggunakan fatwa dari Selangor yang membolehkannya memulangkan Nadra kepada ibunya.<sup>30</sup>

Ini amat menghairankan disebabkan sebelum ini pihak Setiausaha High Commissioner selalunya merujuk kepada negeri Johor dan Kedah untuk mendapatkan penjelasan berkaitan dengan hal mereka yang di bawah umur untuk memeluk agama Islam serta peraturan dan undang-undang Islam yang berkaitan dengan pengislaman mereka yang bukan Islam tetapi semasa kes Nadra ini didapati fatwa dari negeri Johor dan Kedah telah tidak dirujuk.<sup>31</sup> Ini kemungkinan besar jika sekiranya ia merujuk kepada fatwa dari negeri Johor serta Kedah sudah pasti pengislaman Nadra serta pernikahannya adalah sah tanpa dapat dipertikaikan lagi.<sup>32</sup> Tetapi dengan fatwa dari Selangor ia dapat mempertikaikan kesahan per-

nikahan Nadra serta pengislamannya kerana hak ibu serta penjaga jelas termaktub di dalamnya iaitu pengislaman mestilah dengan restu atau mendapat kebenaran dari penjaga.<sup>33</sup> Oleh itu sudah pasti di sini keluarga Hertogh tidak membenarkan Nadra diislamkan dan ini dengan jelas membantalkan keislaman Nadra. Begitu juga dengan masalah umur didapati terdapat percanggahan tentang pendapat undang-undang Islam mengatakan ianya setelah haid tetapi undang-undang sivil mengatakan setelah mencapai 21 tahun dengan jelas telah mengelirukan keadaan yang berlaku.

Mahkamah Singapura telah menjatuhkan hukuman terhadap kes Nadra pada 2 Disember 1950 yang Nadra dikembalikan kepada ibu dan bapanya di negeri Belanda dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman bahawa pernikahan Nadra tidak sah serta Nadra tidak mempunyai hak untuk menganut agama Islam kerana ibu dan bapanya masih lagi berhak ke atasnya.<sup>34</sup> Pada 11 Disember 1950 pula mahkamah telah melaksanakan hukuman ke atas hukuman yang telah diputuskan pada 2 Disember 1950 dan seterusnya berlakunya rusuhan di Singapura.<sup>35</sup>

Sebelum mahkamah Singapura melaksanakan hukuman yang telah diputuskan pada 2 Disember 1950, usaha-usaha telah dilakukan untuk menyelamatkan Nadra dari diambil oleh ibu serta ayahnya di Belanda. Oleh itu pada 4 Disember 1950 telah diadakan mesyuarat ulama-ulama di Singapura di bangunan All Malaya Moslem Missionary Society yang telah memutuskan yang mahkamah Singapura telah menghina undang-undang Islam dengan mengatakan yang pernikahan serta keislaman Nadra tidak sah. Menurut mesyuarat Ulama-ulama ini pengislaman Nadra serta pernikahannya adalah sah di sisi agama Islam dan tidak dapat diperdebatkan.<sup>36</sup> Oleh itu pada 6 Disember 1950 peguam Nadra iaitu Ahmad Ibrahim telah meminta fatwa dari mufti Johor mengenai kes Nadra ini serta meminta pandangan mufti Johor mengenai fatwa yang telah digunakan oleh mahkamah Singapura yang diambil dari Selangor untuk membantalkan hak Cik Aminah keatas Nadra serta pengislaman dan pernikahan Nadra dipersoalkan.<sup>37</sup> Tetapi usaha-usaha ini telah tidak dapat mengatasi keputusan mahkamah Singapura yang akhirnya telah melaksanakan hukuman pada 11 Disember 1950 sepertimana yang telah diputuskan pada 2 Disember 1950. Oleh itu di sini dilampirkan pendapat serta fatwa mufti negeri Selangor serta pendapat dan fatwa serta reaksi dari mufti negeri Johor mengenai kes Nadra tersebut.

## LAMPIRAN 1

Pendapat mufti negeri Selangor mengenai kes Nadra yang telah diminta oleh hakim J. Brown untuk membicarakan kes Nadra:

Dalam Mahkamah Besar Singapura.

Originating saman no. 248/50. Dalam perkara Maria Huberdina Hertogh (seorang kanak-kanak) dan dalam perkara undang-undang jagaan kanak-kanak (kes 50) antara Adrianus Pitrus Hertogh dan Adeline Hertogh (isteri) pendakwa dengan Aminah bte Mohamad (janda) Maria Huberdina Hertogh (seorang kanak-kanak bujang) dan Inche Mansoor Adabi yang didakwa.

### SURAT SUMPAH

Saya Tengku Mahmud Zuhdi (kad pengenalan nombor (K.I.G.) S.L. 515.432 dari Kampung Joh Kelang dengan cukup umur daripada bangsa Melayu bersumpah dengan berkata:

1. Saya seorang Syeikh Islam bagi negeri Selangor dan saya seorang yang mempunyai kuasa dengan perkara-perkara agama bagi negeri apabila bangkit soal-soal berkenaan dengan agama Islam dan dirujukkan kepada jawatankuasa bagi majlis negeri yang menguruskan perkara itu saya punyai nasihat selalu diambil.
2. Menjadikan kanak-kanak angkat daripada darah yang lain tidak dibenarkannya mengikut hukum Islam.
3. Orang-orang Islam terbahagi kepada dua mazhab iaitu Suni dan Syeii. Mazhab Suni dibahagi kepada empat mazhab kecil iaitu Hanafi, Maliki, Shafiee dan Hambali. Orang-orang Melayu di Malaya ini daripada yang kecil Shafiee daripada Mazhab Sunni.
4. Pengikut hukum Mazhab yang kecil Shafiee:-
  - i) Perempuan yang belum pernah kahwin hendaklah dinikahkan oleh wali nikahnya mengikut hukum ini perempuan tidaklah boleh sekali-kali mewalikan seorang perempuan lain bagi menikahkannya dan perkahwinan tidak sah melainkan perempuan yang tidak pernah kahwin itu diserahkan bagi dinikahkan (diwalikan).
  - ii) Jika sibapa itu orang Islam dialah orang yang pertama terhak bagi menyerahkan anak perempuannya yang tidak pernah kahwin bagi dikahwinkan. Dan sekiranya sibapa itu mati jadi bapanya (bapa sibapa yakni nenek) boleh menyerahkan cucu perempuan supaya dinikahkan/kahwinkan.

- iii) Jika bapa anak perempuan Islam itu berhenti daripada Islam (murtad) masih lagi mustahak bagi budak perempuan itu diserahkan bagi dikahwinkan. Dalam perkara itu apabila saudara sedarah yang jantan itu tidak ada (ghaib) orang yang boleh menyerahkan dia supaya dikahwinkan hanyalah kadi bagi ketua negeri sebagai wali nikah kepadanya.
- iv) Sekiranya seorang budak perempuan Kristian yang tidak pernah kahwin menjadi orang Islam jika hendak berkahwin hendaklah ia diserahkan bagi dikahwinkan oleh kadi bagi pihak ketua negeri jika tidak diperbuat demikian itu tiada bagus (fasik).
- v) Sebelum diserahkan budak perempuan bagi dikahwinkan mengikut hal-hal yang tersebut di dalam Bab (iv) yang di atas kadi itu bagi pihak ketua negeri hendaklah menyiasat jika ia boleh akan kehendak-kehendak sibapa itu dan kadi itu harus sama-sama ada melayan kehendak-kehendak itu atau menolaknya.
- vi) Kathi itu hanyalah boleh menyerahkan seorang perempuan bagi dikahwinkan atau membenarkan seorang lain yang berbuat demikian itu. Jika ia berkuasa demikian itu di dalam kuasa yang diterimanya daripada ketua negeri. Jika ia tidak diberi kuasa yang tersebut ia tidak ada kuasa mengikut hukum Islam menyerahkan budak itu supaya dikahwinkan.
- vii) Antara orang-orang Shafiee (mengikut mazhab Shafiee) seorang budak perempuan sungguhpun ia sudah sampai umur (baligh) tidak boleh menyerahkan dirinya bagi dikahwinkan.
- viii) Mengikut aturan Shafie seorang ibu tidak boleh mengangkat seorang wakil bagi diri budak perempuan itu. Sungguhpun seorang bapa boleh. Wakil bagi diri seorang budak perempuan yang diangkat oleh bapa itu tidak boleh mengangkat seorang wakil bagi menggantikannya melainkan wakil yang asal itu mendapat kuasa yang sabit bagi mengangkat ganti.

Disumpahkan di Kuala Lumpur pada 31/8/50 yang tersebut Tengku Mahmud Zuhdi selepas daripada surat sumpah yang di atas ini telah dibaca diterjemahkan dan diterangkan keapda orang yang bersumpah yang dianya nampak telah cukup faham akan perkara itu dan telah meletakkan tandatangan di hadapan saya.

**Daripada: Tengku Mahmud Zahudi (Zuhdi)**

Telah diterangkan oleh saya Mohamad Hasin  
Penolong Pendaftar Senior,  
Mahkamah Besar, Kuala Lumpur.

Sumber: Pejabat Agama Johor (PAJ) 264/50.

## LAMPIRAN 2

**Surat dari Ahmad Ibrahim kepada Mufti Kerajaan Johor 6/12/1950 memohon fatwa di atas perkara yang berikut:**

Dipohonkan fatwakan dengan kenyataan nas-nas perkara-perkara seperti di bawah ini mudah-mudahan Allah membala pahalanya dan dikekalkan tuan jadi pernaungan orang Islam.

1. Jika datang seorang budak perempuan yang bapanya dan ibunya beragama Masihi budak itu telah bersifat Islam dan mengucap dua kalimah syahadat dari semenjak mumaiz dan berkekalan hingga sampai umurnya hampir 14 tahun Kamariah datang kepadanya naib kadi (tukang nikah) mendakwa (mengaku sudah baligh dan haid dan mengaku perempuan Islam meminta naib kadi supaya menikahkan akan dia dengan orang yang meminangnya. Maka dikahwinkan oleh naib kadi itu.
  - a) Adakah sah Islamnya?
  - b) Adakah boleh diterima dakwaannya mengaku baligh?
  - c) Adakah sah nikahnya?
- 2) Jika seorang perempuan Islam memelihara budak perempuan dan dibelanya dengan didikan Islam budak itu membaca Quran sembahyang dan beriktikad (keyakinan) serta percaya kepada agama Islam tetapi ibu bapanya beragama Masihi kemudian bapanya atau ibunya hendak mengambil budak itu. Apakah hukumnya?
  - i) Adakah harus mengembalikan budak perempuan itu kepada ibu bapanya pada hal kedua-dua beragama Masihi?
  - ii) Adakah wajib menyekat dan menceraikan di antara budak perempuan itu dengan kedua ibu bapanya?
3. Apa fatwa tuan pada perkara-perkara dalam salinan fatwa yang dikembarkan bersama-sama ini yang bersifat rasmi dalam bahasa Inggeris datangnya dari Kuala Lumpur adakah bersetuju dengan nas-nas hukum syarak Islam.

Yang mohon fatwa,

Ahmad Ibrahim,  
Peguam.

Sumber: Pejabat Agama Johor (PAJ) 264/50.

**LAMPIRAN 3****JAWAPAN MUFTI KERAJAAN JOHOR:**

Alhamdulillah jawab fatwanya:

Jawab soalan 1.

1. Sah Islamnya sebagaimana nas-nas yang dikembarkan bersama-sama ini dalam paragraf.
- b. Diterima dakwaannya (pengakuannya) dan dibenarkan dengan tidak bersumpah dan sabit atas hukum-hukum orang yang telah baligh seperti sah Islamnya sah berwakilnya dalam perkara nikah dan lainnya.
- c. Sah nikahnya (lihat nas-nas kitab-kitab *Tuhfat*, *Nihayah* dan *Asna* paragraf (iii) bersama-sama ini).

Jawab soalan 3.

Peringatan (sebagaimana diketahui jawapan ini adalah di atas salinan pada dalam bahasa Inggeris, boleh jadi diterjemahkan daripada bahasa Melayu oleh Syeikh-al-Mufti itu tiada menepati). Perkataan Syeikh-al-Mufti paragraf (2) menjadikan kanak-kanak itu daripada darah yang lain tidak dibenarkan mengikut hukum Islam.

Ini tidak terangkan kerana difaham daripada:

- 1) menjadikan kanak-kanak angkat daripada darah kita sah. Pada hal yang pada itu tidak mafhum dan tidak benar. Anak seseorang itu kejadian yang dijadikan Allah dan hukum syarak tidak berhajat kepada ihtiraj (pembimbing).
- 2) Kaedah anak angkat yang berjalan di negeri ini tidak dikasad kanak-kanak itu anak syarie seperti anak betul yang mempunyai hak-hak syarie dalam perkara waris, usbah dan lain-lainnya, kerana yang demikian dinamakan jika perempuan “Fulahah binti Abdullah” kerana nama bapanya yang sebenar tidak munasabah amak ditukarkan dengan nama Abdullah.
- 3) Yang sebenarnya boleh dikatakan jika dikasad anak angkat itu dijadikan ia anaknya seperti anaknya yang sebenar tidak sah dan adalah ia maksiat besar. Dan jika tidak mengkasad ia akan demikian itu tetapi mengqasad membelanya, mengawalnya memberi nafkah kepadanya, ini adalah suatu perkara yang baik

bahkan fardu kifayah bahkan terkadang-kadang fardu Ain bagi tiap-tiap kanak-kanak yang tiada ada orang yang mengawal atau ditinggalkan oleh pengawalnya kerana takut atau *ajiz* (lemah) iaitu penjamin dalam *zimmah* (tanggungan) bapa kanak-kanak itu sama ada kanak-kanak itu lelaki atau perempuan dan orang yang wajib nafkah atasnya itu usul (seperti bapa, nenek, ibu) atau furuk (seperti anak dan cucu) kerana kanak-kanak yang terbiar yang tiada ada orang yang mengawalnya termasuk ke dalam hukum laqid (lihat nas-nas paragraf 7), kanak-kanak itu termasuk di dalam makna laqid bagi orang yang mengambilnya memeliharanya hak mengawal memelihara dan jadilah barang yang dibelanjakan oleh Pengawal dan memeliharanya.

#### Jawab soalan 4.

Perkataan Syeikh al-Mufti orang-orang Islam terbahagi kepada dua mazhab iaitu Sunni dan Syeii. Mazhab Sunni dibahagi kepada empat mazhab kecil iaitu Hanafi, Maliki, Shafiee dan Hambali. Orang-orang Melayu di Malaya ini daripada mazhab yang kecil syafiee ialah daripada mazhab-mazhab mereka itu pada usul atau furu maka iaitu lebih banyak daripada tiga. Pada usul mereka itu terbahagi kepada empat mazhab kepada ahli Sunnah, Mutazaliah, Syiah dan Khawarij dan pada furu bahagian fezah mereka terbahagi kepada mazhab-mazhab lebih banyak. Ahli Sunnah pada usul mereka itu terbahagi kepada Ashary, Marturidi dan pada furu terbahagi kepada empat mazhab yang besar tidak termasuk yang kecil-kecil sebagaimana yang dikatakan dalam kitab-kitab.

#### Jawab soalan 5.

Perkataan Syeikh al-Mufti orang-orang Islam terbahagi kepada dua mazhab iaitu Sunni dan Syeii. Mazhab Sunni dibahagi kepada empat mazhab kecil iaitu Hanafi, Maliki, Shafiee dan Hambali. Orang-orang Melayu di Malaya ini daripada mazhab yang kecil Shafiee ialah daripada mazhab-mazhab mereka itu pada usul atau furu maka iaitu lebih banyak daripada tiga. Pada usul mereka itu terbahagi kepada empat mazhab kepada ahli Sunnah, Mutazalian, Syiah dan mazhab-mazhab lebih banyak. Ahli Sunnah pada usul mereka itu terbahagi kepada Ashary, Marturidi dan pada furu terbahagi kepada empat mazhab yang besar tidak termasuk yang kecil-kecil sebagaimana yang dikatakan dalam kitab-kitab.

### Jawab soalan 5.

Perkataan Syeikh al-Mufti (1) perempuan yang belum pernah kahwin hendaklah dinikahkan oleh wali nikahnya mengikut hukum ini perempuan tidak boleh sekali-kali mewalikan seseorang perempuan lain bagi menikahkannya dan perkahwinan tidak sah melainkan perempuan yang tidak pernah kahwin itu diserahkan bagi dinikahkan (diwalikan).

Perkataan Syeikh al-Mufti itu sah melainkan perkataanya sah melainkan perempuan yang tidak pernah kahwin itu diserahkan bagi dinikahkan (diwalikan) kerana perempuan yang belum pernah kahwin atau sudah pernah kahwin dan ditalak tiada mengahwinkan dia melainkan wali, perkataan Syeikh al-Mufti atau ada waham (ragu-ragu) dengan yang betul.

### Jawab soalan 6.

Perkataan Syeikh al-Mufti dalam paragraf (4) sebab (2) jika sibapa itu orang Islam dialah orang yang pertama berhak menyerahkan anak perempuannya yang tidak pernah kahwin bagi dikahwinkan dan sekiranya sibapa itu mati jadi bapanya (bapa sibapa yakni nenek) boleh menyerahkan cucu perempuan supaya dikahwinkan ini benar tetapi ibaratnya tidak menepati cara fiqah. Saya bersangka ini dengan sebab dalam bahasa Inggeris perkara ini mudah kerana yang dimaksud termaklum iaitu bapa itu wali mujbir kemudian daripadanya nenek sebelah bapa (kanak-kanak perempuan itu).

### Jawab soalan 7.

Perkataan Sheikh al-Mufti paragraf (4) sebab (3) jika bapa kepada anak perempuan Islam itu berhenti daripada Islam itu (murtad) masih mustahak bagi budak perempuan itu diserahkan bagi dikahwinkan. Dalam perkara itu apabila saudara sedarah yang jantan itu tidak ada (ghaib) orang yang boleh menyerahkan dia supaya dikahwinkan hanyalah kadi bagi ketua negeri sebagai wali nikah kepadanya.

Paragraf ini adalah sebatal-batalnya yang menyalahi ijmak yakni menyalahi mazhab ahli Sunnah, Syiah, Mutazaliah, Khawarij, Shafiee, Maliki, Hambali, Hanafi, Zaidiah, Jaafriah dan menyalahi sekian orang-orang Islam.

Saya beriktikad bahawa Syeikh al-Mufti tiada berfatwa demikian itu barangkali terjemahannya salah atau penulis silap atau kalamnya (pensilnya) tergelincir kerana masalah ijmak di antara orang-orang Islam bahawa orang kafir dan murtad tidak boleh jadi

wali bagi perempuan Islam yang kecil atau besar. Diketahui hingga naib kadi Islam betapa lagi kadi-kadi dan mufti-mufti. Ini tersebut dalam kitab (*Fath al-Muin, Ianah, al-Talibin* juz 3 muka 245 cetak tahun Hijrah 1320 didalam *Tuhfah* juz 6 muka 320 di dalam *Asna* juzu 132 dan di *Nihayah* dan *Mughni* dan lain-lain lihat nas-nas paragraf 7 dan lihat paragraf 8.

Jawab soalan 8.

Perkataan Syeikh al-Mufti paragraf (4) sebab (4) sekiranya seorang budak perempuan kristian yang tidak pernah kahwin menjadi orang Islam jika hendak berkahwin hendaklah ia diserahkan bagi dikahwinkan oleh kadi bagi pihak ketua negeri jika tiada diperbuat tiada bagus fasik.

Ini menunjukkan yang disebutkan pada paragraf (3) terpesung dan yang disebutkan di sini betul tetap mukim dan naib kadi memadai sah mengakadkan nikah bagi perempuan Nasrani yang telah masuk Islam samada perempuan itu anak dara (bujang) atau janda samada bapanya hadir atau ghaib selama sibapa itu kekal beragama nasrani kerana ia tiada hak lagi menjadi wali atas anaknya itu hatta walau anaknya itu murtad pula dari agama Islam.

Jawab soalan 9.

Perkataan Syeikh al-Mufti paragraf (4) sebab (5) sebelum diserahkan seorang budak perempuan bagi dikahwinkan mengikut hal-hal yang tersebut dalam bab (4) yang di atas kadi itu bagi pihak ketua negeri hendaklah menyiasat jika ia boleh akan kehendak sibapa itu dan kadi itu harus samada melayangkan kehendak-kehendak itu atau menolaknya.

Ini tidak betul dan bersalah dengan ijmak Muslimin kerana terputus wilayah (pengawalan) dan kafalah (pemeliharaan dan tanggungan di antara orang-orang Islam dan orang kafir, tersebut dalam *Tuhfah*, nasnya:

( ويلى الكافر لامسلمه اجماعا )

ertiya: Dan mewalikan orang kafir akan perempuan kafir tidak perempuan Islam iaitu secara ijmak dalam *Tuhfah* demikian nasnya:

( ويلى الكافى الاصلى غير الغاسق فى دينه الكافر <sup>ه</sup> وان  
اختلف دينهما سوأكان الزوج مسلما ام زميلا وهى مجير <sup>ه</sup>  
اوغير مجير <sup>ه</sup> لقوله تعالى  
والذين كفروا يخربون بحفي لا المسلم اجماعا ولا المسلم  
الكافر <sup>ه</sup> الامام وناتبه فالله يرج من ولى لها )

ertinya: Dan mewalikan orang kafir asli yang tiada fasik dalam agamanya akan perempuan kafir sekalipun bersalahan agama ke-duanya (seperti agama Nasrani dan Yahudi samada suaminya orang Islam atau kafir zimmi dan perempuan itu mujbirah atau tidak mujbirah kerana firman Allah Taala di dalam Quran (dan orang-orang yang telah kafir mereka itu setengah wali bagi setengah). Tidak perempuan Islam dengan ijmak dan tidak laki-laki orang Islam atas perempuan kafir melainkan imam dan naibnya maka ia mengakadkan perempuan yang tiada wali baginya.

Tersebut di dalam Hasiyyahnya adapun orang yang murtad sekali-sekali tidak mewalikan samada perempuan itu muslimah atau murtad sekali tidak mewalikan samada perempuan itu muslimah atau murtad dan perempuan lain daripada keduanya kerana terputus perwalian di antaranya dan di antara lainnya. Dan tidak mengkahwinkan amahnya (hambanya perempuan) yang dipunyai sebagaimana ia tiada kahwin, *Mughni* dan *Nihayah* (lihat salinan nas-nas fatwa paragraf 6).

#### Jawab soalan 10

Perkataan Syeikh al-Mufti paragraf (4) sebab (6) kadi itu hanyalah boleh menyerahkan seseorang perempuan bagi dikahwinkan atau membenarkan seorang lain yang berbuat demikian itu jika ia berkuasa berbuat demikian itu di dalam kuasa yang diterimanya daripada ketua negeri jika ia tidak diberi kuasa yang tersebut itu tiada kuasa mengikut hukum Islam menyerahkan budak itu supaya dikahwinkan.

Ini maknanya menurut hukum syarak Islam kadi atau naibnya adalah wali bagi tiap-tiap perempuan Islam yang hendak nikah maka kadi atau naibnya itu walinya apabila dikahwinkan sahlah nikahnya kerana kadi mengkahwinkan tiap-tiap perempuan kafir dengan

lelaki Islam kerana ia telah jadi kadi atau naibnya dengan tauliah yang berkuasa dalam negeri itu.

Maka jika ada pada Syeikh al-Mufti bangkangan pada sebab (6) lain daripada yang saya sebutkan itu adalah batal lihat salinan nas fatwa paragraf (6) bersama-sama ini.

### Jawab soalan 11

Perkataan Syeikh al-Mufti paragraf (4) sebab (7) antara orang-orang Shafiee (mengikut mazhab Shafiee) seorang budak perempuan sungguhpun ia sudah sampai umur baligh tidak boleh menyerahkan perempuan yang telah baligh yang tiada wali baginya daripada kerabatnya atau baginya wali yang ghaib adalah wali kadi. Dan tiada berhajat pada izin khas (lihat perkataan ulama nas-nas mereka paragraf (6) dan (8) di sini).

### Jawab soalan 12

Perkataan Syeikh al-Mufti mengikut aturan shafiee seorang ibu tidak boleh mengangkat seorang wakil bagi diri budak perempuan itu sungguhpun seorang bapa boleh wakil bagi diri budak perempuan yang diangkat oleh bapa itu tidak boleh mengangkat seseorang wakil bagi menggantinya melainkan wakil yang asal itu mendapat kuasa yang sabit bagi mengangkat ganti.

Saya tidak dapat meneka apakah yang dimaksudkan oleh al-Mufti pada perkataan ini tetapi dengan munasabah fatwanya dalam perkara yang termaklum zahirlah bahawa ia hendak mengatakan bahawa perempuan yang telah memelihara budak perempuan yang kecil tiada baginya hak, dan telah saya terangkan dulu daripada ini bagi perempuan yang memeliharanya itu hak-hak:

- 1) Hak kawalan tanggungan.
- 2) Hak kawalan memelihara.
- 3) Hak belanja memelihara.
- 4) Segala nafkah perbelanjaan kerana budak perempuan itu seperti makan minum, pakaian, tempat kediaman ubat dan lainnya. Di dalam masa yang telah lalu, jadi hutang yang lazim bagi perempuan yang memeliharanya atas bapanya.

Dengan hukum ini agama Islam menjamin kemanusiaan dan orang Islam memandang wajib atas memelihara dan mengawal orang yang

terbiar tiada kawalan daripada segala jenis manusia yang bermacam-macam agama. Maka jika orang Islam enggan daripada demikian itu maka jadilah hukuman ke atasnya menunaikan belanja orang yang merana dan jadilah hutang atasnya ditunaikan apabila habis terkasa merananya. Kerana jika kita katakan tidak wajib memelihara kanak-kanak yang tiada ada orang yang memeliharanya teristimewa di dalam masa peperangan atau kejatuhan kerajaan nescaya membawa kepada sengsara dan melarat yang amat dashyat mengenai manusia. Demikian juga apabila kita wajibkan dengan hukum syarak atas tiap-tiap seseorang yang memelihara kanak-kanak yang terbiar tiada orang yang memeliharanya kanak-kanak yang terbiar orang yang memeliharanya yang dibuang atau yang ditinggalkan oleh ibu bapanya kerana sebab merasa hina atau tiada kuasa memberi nafkah dengan ketiadaan ganti rugi nescaya membawa manusia tiada hendak memelihara kanak-kanak itu.

Maka adalah hukum Islam yang dibentangkan dan menurut sebagaimana nas-nas yang disebutkan di dalam salinan bersama-sama ini lebih kuat jaminan bagi keselamatan kanak-kanak daripada segala bangsa dan segala agama. Teristimewa di dalam masa peperangan dan ketakutan yang amat sangat dalam masa yang akhir ini Allah kasihkan orang yang berbuat kebajikan.

Wallahu‘alam.

Mufti Kerajaan Johor

Sumber: Pejabat Agama Johor (PAJ) 264/50.

## NOTA KAKI

<sup>1</sup> *New Straits Times*, 3 November dan 10 November 1988, *Dewan Masyarakat* bulan Februari, Mac dan April 1989 dan perbicaraan semula kes Nadra di Universiti Islam Antarabangsa dan (1951) 17 *Malayan Law Journal* 164.

<sup>2</sup> Judgement of Brown, J. in the High Court of the Colony of Singapore in the matter of Maria Huberdina Hertogh an infant and in the matter of guardianship of infants ordinance (Cap 50) between Adrianus Petrus Hertogh and Adeline Hertogh married woman plaintiffs and Amina binti Mohammed (a married woman) Maria Huberdina Hertogh (an infant and a spinster) and Inche Mansoor Adabi Defendants dalam fail Pejabat Agama Johor (PAJ) 246/50.

<sup>3</sup> Lihat surat dari G. Hall, Penasihat Inggeris kepada kerajaan negeri Kedah kepada Secretary High Commissioner Singapore, "I have the honour to inform you that trouble is caused from time to time in Kedah owing to the admission of children to Islam without the knowledge or consent of their parents. I understand that the Mohammadan percept is that anyone wishing to be converted must be accepted at once, but it is obvious that the application of this principle to minors, particularly females is bound to lead to trouble", GA 67/1918; lihat juga surat Secretary to the Federated Malay States kepada High Commissioner Office 16 June 1930. GA 481/1929.

<sup>4</sup> Lihat surat dari G. Hall Penasihat Inggeris kepada kerajaan negeri Kedah kepada Secretary High Commissioner Singapore, 22 Januari 1918 dalam GA 67/1918; lihat juga minit T.O. Hughes Legal Adviser Johor 7 October 1941 dalam GA 481/1929; surat R.P. Bingham Acting Protector of Chinese Johor Bahru Legal Adviser Johore 5 October 1941 dalam GA 481/1929; Surat Colonial Secretary Office Singapore kepada Secretary High Commissioner for Malay States 3 December 1941 dalam GA 481/1929.

<sup>5</sup> Minit T.O. Hughes Legal Adviser Johor 7 October 1941 dalam GA 481/1929; Lihat surat dari Colonial Secretary kepada Secretary High Commissioner 3 Disember 1941 dalam GA 481/1929, dalam surat ini beliau telah melampirkan beberapa kes gadis Cina yang di bawah umur yang memeluk Islam dan lari meninggalkan keluarga mereka. Menurut laporan Colonial Secretary kes-kes seperti ini telah berlaku sejak tahun 1935 lagi dan kebanyakannya kes-kes ini berlaku di negeri Johor, Melaka dan Singapura; lihat juga surat dari R.P. Bingham, Acting Protector of Chinese Johor Bahru kepada Legal Adviser Johore, 5 October 1941 dalam GA 481/1929 beliau mengatakan beberapa kes gadis Cina yang masih lagi di bawah umur telah memeluk agama Islam dan seterusnya berkahwin dengan pemuda Melayu. Contohnya pada 17 Jun 1941 seorang gadis Cina dari Tangkak berumur 16 tahun telah mlarikan diri untuk memeluk agama Islam dan berkahwin dengan pemuda Melayu, pada 4 September 1941 seorang gadis Cina berumur 14 tahun telah memeluk Islam dan berkahwin dengan seorang pemuda Jawa, dan pada 28 September 1941 seorang gadis Cina berumur 16 tahun anak seorang Arkitek dari Batu Pahat telah memeluk agama Islam dan berkahwin dengan pemuda Melayu. Lihat juga kes Lim Kechil dalam SS 3811/36.

<sup>6</sup> Lihat Monthly Review of Chinese Affairs For October 1932 dalam Colonial Office (CO) 273/580, 1932 no. 92036 Part III; Monthly Review of Chinese Affairs Part II February 1933 dalam CO 273/585 no. 13008, lihat juga The Conversion of Chinese to Mohammadanism dalam Chinese Affairs Johore (CAJ) 106/46. Lihat juga Surat Secretary to Government Federated Malay States to the Secretary High Commissioner Office 16 June 1930 dalam GA 481/1929, lihat juga minit 12 Ogos

1929 dalam fail GA 481/1929 mengenai fatwa dari Kelantan, lihat juga minit 28 Jun 1930 fatwa dari Mufti Johor dalam GA 481/1929.

<sup>7</sup> Lihat surat dari Penasihat Inggeris di Kedah, G. Hall kepada Secretary High Commissioner 22 Januari 1918 dalam GA 67/1918, yang ingin tahu samada dapat diselaraskan fatwa dan peraturan di negeri-negeri Melayu untuk menyenangkan menyelesaikan masalah yang timbul dari keadaan yang berbeza-beza; lihat juga surat dari Secretary to Government Federated Malay States kepada Secretary High Commissioner Office 16 June 1930 dalam GA 481/1929. Lihat juga Othman Haji Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1981, h.186, “Oleh kerana Semenanjung Malaysia mengandungi beberapa buah negeri dan tiap-tiap negeri mempunyai mufti atau jawatankuasa Syariah yang tersendiri maka kadangkala terdapat setengah-setengah fatwa yang dikeluarkan itu berbeza di antara satu dengan yang lain mengenai satu masalah yang sama. Walhal masyarakat Melayu khasnya dan semua negeri di Semenanjung Malaysia adalah berpegang teguh kepada pendapat Mazhab Shafiee pada keseluruhannya”. Mengenai definisi fatwa lihat juga Othman Ishak yang mengatakan fatwa adalah merupakan satu hukum Syarak yang dikeluarkan oleh mufti.

<sup>8</sup> Lihat Monthly Review of Chinese Affairs For October 1932 dalam CO 273/580 1932 no. 92036 Part III; Monthly Review of Chinese Affairs Part II February 1933 dalam CO 273/585 no. 13008, lihat juga The Conversion of Chinese to Mohammedanism dalam CAJ 106/46, lihat juga minit 28 Jun 1930 mengenai fatwa dari Mufti Johor dalam GA/1929.

<sup>9</sup> Conversion of Chinese to Islam in Johore dalam Monthly Review of Chinese Affairs Part II February 1933 dalam CO 273/585 no. 130087, lihat juga The Conversion of Chinese to Mohammedanism dalam CAJ 106/46.

<sup>10</sup> Lihat The Conversion of Chinese to Moslem dalam Monthly Review of Chinese Affairs For October 1932 dalam CO 273/580 1932 no. 92036 Part III.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.* Lihat juga minit 12 Ogos 1929 dalam fail GA 481/1929 mengenai fatwa dari Kelantan.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Lihat The Conversion of Chinese to Moslem dalam Monthly Review of Chinese Affairs For October 1932 dalam CO 273/580 1932 no. 92036 Part III.

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Lihat Age of Majority Enactment no. 135 dalam *The Laws of the State of Johore*, revised edition vol. III, Government Printer, 1935. Sebelum termaktubnya akta Guardianship of Infants Act, 1961 umur majoriti ialah 21 mengikut undang-undang Inggeris.

<sup>21</sup> Lihat nota 2.

<sup>22</sup> Lihat Conversion of Lai Kim Swee (f) dalam CAJ 107/56, kesnya telah dibicarakan dalam mahkamah Juvenile Court Muar dan beliau telah diberi hak

untuk menganut agama Islam dan ibunya terpaksa membenarkan beliau untuk tinggal di rumah khas yang disediakan oleh Pejabat Agama Johor untuk mempelajari agama Islam. Berkennaan dengan kes Rashidah Abdullah pula beliau telah dibela oleh keluarga Melayu sehingga berumur lima tahun kemudian ibu serta bapanya meminta kembali untuk dibesarkan dalam keluarganya tetapi setelah mencapai umur 17 tahun beliau telah keluar dari rumah bapanya dan tinggal bersama dengan keluarga yang membesarinya dan bapanya menuntutnya kembali tetapi ianya telah dapat diselesaikan di luar mahkamah dan Rasidah telah dapat memeluk agama Islam serta bebas dari kongkongan bapanya. Sila lihat fail CAJ 104/46.

<sup>23</sup> Berkennaan dengan masalah yang dihadapi oleh gadis-gadis Cina yang di bawah umur yang berlaku di Johor ianya dapat diselesaikan dengan adanya kerjasama yang rapat di antara Pejabat Agama Johor dengan Pejabat Hal Ehwal Orang Cina serta pihak keluarga yang terlibat. Kebiasaanya gadis-gadis ini akan disoalsiasat serta memberikan kenyataan bertulis tentang mengapa ia hendak memeluk agama Islam disamping itu keluarga kepada gadis tadi juga dimestikan membuat kenyataan bertulis samada ia menentang atau merestui keinginan anaknya. Jika berlaku masalah penentangan ianya akan diadakan sesi temubual di antara anak dan ibu bapa dan sekiranya si gadis tadi berkeras juga untuk memeluk agama Islam keluarga terpaksa membenarkan dan gadis tadi akan tinggal di asrama Pejabat Agama Johor atau tinggal bersama dengan keluarga pegawai dari Pejabat Agama Johor. Semasa mereka tinggal di sini keluarganya juga masih boleh menemui anaknya. Sila lihat contoh-contoh kes yang berlaku pada tahun 1949 dalam fail-fail: Conversion of Sia Hay Noi into Islam dalam fail CAJ 104/46, Conversation of Lee Ah Wang to Islam dalam fail CAJ 21/48, Conversion of Lee Ah Leng to Islam dalam CAJ 63/48, Conversion into Islam of Ang Ah Soo dalam CAJ 53/48, Lim Lian Thor to embrace the Islam religion dalam CAJ 63/49, Ng Ah Tek a Teochew girl aged 15 to embrace the Islam religion dalam CAJ 75/49 dan Pong Ah Chee aged 18 years to embrace the Islam religion dalam CAJ 76/49.

<sup>24</sup> Lihat nota no. 2.

<sup>25</sup> Lihat nota no. 2.

<sup>26</sup> Lihat *Melayu Raya* 7 Disember 1950 yang mempersoalkan fatwa Tengku Mahmud Zuhdi yang digunakan sebagai afidavit dalam kes Nadra; lihat juga fatwa Tengku Mahmud Zuhdi dalam lapiran satu; lihat juga temuramah Sdri. Fatini dengan ahmad Ibrahim, "Undang-undang Islam masih lagi tidak lengkap", dalam *Dewan Masyarakat* bulan Mac 1989.

<sup>27</sup> Lihat surat jawapan dari mufti Johor berkenaan fatwa dari Selangor dalam PAJ 264/50.

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> *Ibid.*, lihat juga kritikan-kritikan mengenai Fatwa di negeri-negeri Melayu dalam Othman Ishak *Fatwa Dalam Perundangan Islam* hal. 186 hingga 194.

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Lihat minit Secretary High Commissioner 28 Januari 1918 dalam GA 67/1918 yang bertanyakan tentang peraturan di negeri Johor dan lihat juga surat jawapan dari General Adviser Johor kepada Secretary High Commissioner 29 Januari 1918 dalam fail GA 67/1918; lihat juga surat High Commissioner Office 10 Ogos 1929 kepada General Adviser Johor yang bertanyakan lagi tentang prosedur mengenai mereka yang di bawah umur untuk memeluk Islam dalam GA 48/1929 dan juga lihat jawapan dari General Adviser Johor kepada Secretary High

Commissioner, 5 september 1929 dalam GA 48/1929; lihat juga fail CAJ 106/46 "Procedure in regard to the conversion to Islam of persons who are not subjects of the Ruler"; untuk rujukan lanjut lihat fail HCO 892/1920; HCO 892/1929; GA 441/33; GA 481/29; AAS 71/36 dan juga fail SS 381/1936 mengenai laporan seorang gadis Cina berumur 18 tahun yang ingin memeluk agama Islam.

<sup>32</sup> Lihat Lampiran 1, 2 dan 3; lihat juga fatwa negeri Kedah.

<sup>33</sup> Lihat fatwa dari Tengku Mahmud Zuhdi lampiran pertama.

<sup>34</sup> Lihat nota 2.

<sup>35</sup> Lihat Nordin Hussin, *The Moslem Riots of 11 December 1950 in Singapore*, Kertas Kadangkala II FSKK, UKM, 1988.

<sup>36</sup> Surat dari Setiausaha Jamiatul Dakwatul Islamiah kepada Engku Ismail Abd. Rahman Yang Dipertua Pejabat Agama Islam Johor, 7/12/1950 dalam PAJ 264/1950; pihak Jamiatul Dakwatul Islamiah Singapura telah menjemput Yang Dipertua Pejabat Agama Islam Johor serta Mufti Johor Tuan Syed Alwi bin Tahir al-Hadad bersama-sama Tuan Abdul Jalil Hassan, Tuan Haji Mohd. Amin bin Amran untuk membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dalam persoalan kes Nadra terutama tentang pengislamannya, pernikahannya serta hak Cik Aminah ke atasnya; lihat juga *Melayu Raya*, 4 dan 10 Disember 1950.

<sup>37</sup> Surat dari Ahmad Ibrahim kepada Pejabat Agama Johor, 6/12/1950, PAJ 264/1950.